Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

SEKTOR PERBANKAN

Kedudukan pendanaan dan mudah tunai bank-bank yang teguh telah menyokong aktiviti pengantaraan

Kedudukan mudah tunai dan pendanaan sistem perbankan kekal teguh pada separuh kedua tahun 2023. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) (Rajah 2.1) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) (Rajah 2.2) agregat kekal kukuh dan jauh melebihi paras minimum pengawalseliaan, masing-masing pada 160.9% dan 118.2% pada akhir Disember 2023 (Jun 2023: masing-masing pada 154.7 % dan 117.0%). Pegangan aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid asset,* HQLA) oleh bank-bank terus meningkat (RM758.3 bilion; Jun 2023: RM744.3 bilion), kebanyakannya

Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai



Nota: 1. LCR MYR dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi ringgit.
2. LCR keseluruhan dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi semua mata wang.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.2: Sistem Perbankan – Nisbah Pendanaan Stabil Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

dalam bentuk penempatan dengan bank pusat dan bon kerajaan yang boleh dicagarkan dalam pasaran antara bank atau dengan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mendapatkan mudah tunai tambahan.[1]

Deposit sistem perbankan terus berkembang (Rajah 2.3), didorong terutamanya oleh perniagaan dan individu, sejajar dengan peningkatan dalam aktiviti perniagaan dan pendapatan isi rumah. Deposit individu dan perniagaan pemastautin (termasuk perusahaan awam bukan kewangan) mencakupi sebahagian besar deposit sistem perbankan masing-masing pada 35.6% dan 34.1%. Keadaan ini terus menyediakan sumber pendanaan yang stabil untuk bank-bank dalam keadaan deposit institusi kewangan bukan bank (IKBB) dan Kerajaan yang lebih rendah dalam beberapa tempoh pada separuh kedua tahun 2023. Deposit tetap jangka panjang (termasuk

[1] Semua bank mempunyai akses kepada kemudahan tersedia dan Kemudahan Mudah Tunai Komited Terhad (Restricted Committed Liquidity Facility, RCLF) dengan BNM untuk memenuhi keperluan mudah tunai. RCLF diperkenalkan oleh BNM pada tahun 2016 untuk membolehkan bank-bank mendapatkan mudah tunai untuk tempoh melebihi 1 bulan daripada BNM. Institusi perbankan yang berhasrat untuk menggunakan RCLF akan dikenakan kadar kemudahan tetap dan dikehendaki untuk menetapkan sekumpulan sekuriti layak tanpa halangan yang akan mencukupi untuk menyokong jumlah saiz RCLF.

Murabahah Komoditi) berkembang lebih pantas berbanding dengan jenis deposit utama lain untuk tahun kedua berturut-turut hingga membentuk hampir separuh (48.5%) daripada jumlah deposit sistem perbankan (Rajah 2.4). Bahagian ini kekal lebih rendah daripada bahagian purata deposit tetap yang pernah dicatatkan (purata 2015–19: 51.2%). Berikutan keperluan penampan tunai awasan semakin berkurang, peralihan berterusan yang diperhatikan daripada deposit akaun semasa dan simpanan (*current and savings,* CASA) kepada deposit tetap jangka panjang akan terus menyokong kestabilan sumber pendanaan bank. Analisis sensitiviti BNM,[2] yang mengandaikan aliran keluar deposit yang besar dan kejutan kadar hasil bon yang teruk, mengesahkan lagi daya tahan sistem perbankan terhadap kejutan mudah tunai. Keputusan analisis menunjukkan bahawa bank-bank mempunyai HQLA yang mencukupi untuk bertahan menghadapi keadaan mudah tunai yang buruk tersebut (rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' untuk maklumat lanjut).

Rajah 2.3: Sistem Perbankan – Sumbangan kepada Pertumbuhan Deposit Diterima



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.4: Sistem Perbankan – Komposisi Deposit Mengikut Jenis



Sumber: Bank Negara Malaysia

Seperti trend bermusim sebelum ini, persaingan deposit meningkat menjelang akhir tahun apabila bank-bank meningkatkan penampan kerana menjangkakan pengeluaran akhir tahun yang lebih besar, terutamanya daripada pendeposit besar. Dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya, tahap persaingan deposit agak rendah apabila tingkah laku memburu kadar oleh syarikat korporat berkurang berikutan jangkaan bahawa Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) telah mencapai tahap tertinggi. Bank-bank juga memanfaatkan pasaran antara bank untuk pendanaan jangka panjang. Hal ini menyaksikan kadar antara bank bergerak lebih tinggi sedikit pada suku keempat tahun 2023 (peningkatan tahun ke tahun dalam kadar antara bank 3 bulan: +4 mata asas).[3] Peningkatan ini memberikan kesan yang minimum terhadap kos dana bank kerana pendanaan ringgit antara bank kekal sebagai bahagian yang kecil daripada keseluruhan campuran pendanaan sistem perbankan pada anggaran 2% daripada jumlah pendanaan. Pada masa hadapan, langkah-langkah berterusan oleh bank-bank untuk mempelbagaikan dan mengembangkan profil tempoh matang sumber pendanaan akan mengukuhkan lagi daya tahan bank terhadap kejutan pendanaan. Secara keseluruhan, purata kos dana meningkat sebanyak 10 mata asas antara bulan Jun hingga Disember 2023 kepada 2.95% (Rajah 2.5). Sebahagian besar peningkatan kos dana bank disebabkan oleh bahagian deposit tetap jangka panjang yang lebih tinggi, berikutan kesan daripada siri kenaikan OPR sebelum ini. Peningkatan kos dana bank tidak menyebabkan sebarang pengetatan syarat kredit yang ketara. Pemberian pinjaman oleh bank kepada isi rumah dan perniagaan terus berkembang pada kadar yang kukuh (+5.3%; Jun 2023: +4.4%) (Rajah 2.6). Kadar pinjaman purata berwajaran bagi perniagaan dan runcit baharu

[2] Tekanan aliran keluar yang dikenakan berbeza-beza mengikut bank bergantung pada volatiliti aliran keluar deposit dan komposisi deposit bank sebelum ini (pemastautin berbanding bukan pemastautin dan runcit berbanding korporat). Aliran keluar yang terhasil adalah sekurang-kurangnya 300% lebih tinggi daripada purata aliran keluar bulanan setiap bank sejak tahun 2016.

[3] Peningkatan antara akhir bulan Disember 2022 dan akhir bulan Disember 2023.

juga secara amnya kekal stabil (masing-masing +10 mata asas dan -9 mata asas dari bulan Jun hingga Disember 2023) berikutan persaingan sihat yang diperhatikan dalam kalangan bank-bank.

Rajah 2.5: Sistem Perbankan – Kos Deposit Purata, Kos Dana Purata dan OPR



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.6: Sistem Perbankan – Pertumbuhan Pinjaman Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko penularan daripada pendedahan bank kepada rakan niaga luar negeri kekal terurus

Hutang luar negeri bank-bank meningkat sebanyak RM9 bilion pada separuh kedua tahun 2023 kepada RM424.5 bilion (Rajah 2.7). Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh peminjaman antara bank dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency,*

Rajah 2.7: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Instrumen



Nota: Hutang luar negeri bank-bank dalam konteks ini merujuk hutang luar negeri DBG, LIFB dan bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LIBFC).

Sumber: Bank Negara Malaysia

FCY) yang digunakan oleh sesetengah bank untuk mendapatkan pendanaan ringgit melalui pengaturan swap FCY. Bergantung pada keadaan pasaran semasa, pengaturan pendanaan sedemikian boleh menjadi sumber pendanaan ringgit pada kos yang lebih rendah dibandingkan dengan peminjaman ringgit secara langsung daripada pasaran wang domestik. Pengaturan ini kekal kecil secara relatif sebagai sebahagian daripada jumlah pendanaan sistem perbankan, selaras dengan tahap kebergantungan terhadap hutang luar negeri untuk membiayai operasi ringgit yang rendah oleh bank-bank dalam masa yang pernah dicatatkan.

Risiko keseluruhan hutang luar negeri bank-bank kekal terhad. Sebahagian besar daripada jumlah dedahan hutang luar negeri sistem perbankan (78.6%; Jun 2023: 79.3%) adalah dengan rakan niaga yang berkaitan atau dalam bentuk hutang jangka panjang yang stabil, yang seterusnya mengehadkan risiko pelanjutan atau pengeluaran. Bank-bank mengekalkan penampan aset mudah tunai FCY yang besar dan cukup untuk menampung sehingga 2.4 kali (Jun 2023: 2.4 kali) daripada jumlah hutang luar negeri FCY berisiko[4] (Rajah 2.8).

Kedudukan terbuka bersih pertukaran asing (*foreign exchange net open position,* FX NOP) bank-bank daripada operasi domestik kekal terurus pada 3.9% daripada jumlah modal bank-bank (Jun 2023: 3.7%;

[4] Hutang luar negeri berisiko bank-bank terdiri daripada deposit institusi kewangan, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek daripada rakan niaga bukan pemastautin yang tidak berkaitan, yang dianggap lebih terdedah pada kejutan pengeluaran secara mendadak

Rajah 2.8: Sistem Perbankan – Hutang Luar Negeri FCY Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY



Nota: Aset mudah tunai terdiri daripada tunai dan setara tunai, sekuriti hutang tidak dihalang (*unencumbered*) dan penempatan antara bank.

Sumber: Bank Negara Malaysia

purata 2020–22: 4.2%) (Rajah 2.9) dalam keadaan volatiliti pasaran pada tempoh tersebut. Kedudukan FX NOP yang konservatif ini mencerminkan kesanggupan mengambil risiko yang agak rendah oleh bank-bank untuk dedahan yang tidak dilindungi, seterusnya mengehadkan risiko mudah tunai FCY selanjutnya daripada pergerakan ringgit.

Rajah 2.9: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kualiti aset bank-bank bertambah baik namun risiko pertumbuhan yang perlahan kekal wujud

Kualiti aset bank-bank terus bertambah baik pada suku kedua tahun 2023. Bahagian pinjaman yang dikelaskan di bawah Tahap 2 terus menurun kepada 7.2% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Rajah 2.10). Jumlah pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman[5] berkurang kepada 2.4% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Jun 2023: 2.5%) dalam keadaan keupayaan peminjam membayar balik pinjaman yang pulih dengan stabil. Permintaan baharu untuk penstrukturan dan penjadualan semula daripada peminjam

Rajah 2.10: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Tahap 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

yang menghadapi masalah kewangan kekal kecil pada 0.16% daripada jumlah pinjaman bank (Jun 2023: 0.1%). Nisbah pinjaman terjejas kasar juga menurun sedikit (1.6% daripada jumlah pinjaman; Jun 2023: 1.7%) (Rajah 2.11). Pada masa hadapan, bank-bank menjangkakan peningkatan pinjaman terjejas yang sederhana apabila program bantuan bayaran balik pinjaman disemak secara progresif. Tekanan kos yang berlarutan juga boleh mula membebankan keupayaan membayar balik hutang oleh segmen kecil peminjam. Potensi kerugian yang lebih tinggi dijangka kekal berada dalam lingkungan penampan peruntukan bank kerana majoriti peminjam menunjukkan peningkatan keupayaan membayar balik hutang mereka.

Selaras dengan peningkatan yang diperhatikan dalam keseluruhan aliran bayaran balik pinjaman, peruntukan bank menurun sebanyak 5.3% tahun ke tahun. Bank-bank terus menggunakan pertimbangan pengurusan (*management overlay*)[6] untuk mengambil kira ketidaktentuan dalam persekitaran operasi, khususnya bagi peminjam berisiko

[5] Merujuk semua jenis program bantuan bayaran balik pinjaman termasuk baki pinjaman di bawah bantuan yang dilanjutkan ketika COVID-19, pakej yang direka khas oleh bank serta penstrukturan dan penjadualan semula (*restructuring and rescheduling*, R&R).

[6] Pertimbangan pengurusan ialah peruntukan tambahan yang diketepikan selain peruntukan yang diperoleh daripada model ECL. Hal ini mencerminkan pelarasan untuk mengambil kira kekurangan atau ketidakpastian data yang tidak diambil kira secukupnya oleh model ECL.

Rajah 2.11: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

tinggi. Pertimbangan pengurusan sedemikian telah dikekalkan oleh bank-bank pada kira-kira 28% daripada model peruntukan jangkaan kerugian kredit (*expected credit loss,* ECL) untuk pinjaman, yang secara amnya tidak berubah dari bulan Jun 2023. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman sistem perbankan (termasuk rizab pengawalseliaan) juga kekal pada paras tinggi 119% (Jun 2023: 118.6%) (Rajah 2.12) memandangkan bank-bank

Rajah 2.12: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman (Termasuk Rizab Pengawalseliaan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

terus berwaspada. Kos kredit tahunan kekal tinggi sedikit berbanding dengan paras sebelum pandemik tetapi telah menurun dengan ketara daripada paras tertinggi sebelumnya (Rajah 2.13).

Rajah 2.13: Sistem Perbankan – Nisbah Kos Kredit Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pendapatan bank menjadi sederhana dalam keadaan margin faedah yang semakin kecil

Pendapatan bank merosot dari tahun ke tahun dan lebih rendah berbanding dengan separuh pertama tahun 2023 (Rajah 2.14). Walau bagaimanapun, keuntungan terus disokong oleh aktiviti pemberian pinjaman meskipun terdapat pemampatan dalam margin faedah yang berterusan disebabkan oleh kos pendanaan yang lebih tinggi. Terdapat peningkatan sedikit dalam pendapatan perdagangan dan pelaburan (ST2 2023: RM6.3 bilion; ST1 2023: RM6.1 bilion) yang memberikan sedikit sokongan terhadap keuntungan bank-bank. Hal ini sebahagiannya didorong oleh penurunan kadar hasil bon domestik pada separuh kedua tahun 2023. Walaupun pemegangan bon kerajaan oleh bank-bank meningkat sedikit (10.3% daripada jumlah aset sistem perbankan; Jun 2023: 10.1%), dedahan terhadap risiko kadar faedah kekal terurus.[7] Keadaan ini telah dibantu oleh strategi untuk mengurangkan

[7] Risiko kadar faedah dalam akaun perbankan (*interest rate risk in the banking book*, IRRBB) mencerminkan risiko semasa atau jangkaan risiko terhadap modal dan perolehan bank yang timbul daripada pergerakan negatif dalam kadar faedah yang menjejaskan kedudukan akaun perbankan. IRRBB diukur sebagai peratusan modal bank-bank (Disember 2023: 7.2%; Jun 2023: 7.4%).

Rajah 2.14: Sistem Perbankan – Pendapatan, Kos dan Untung sebelum Cukai



Nota: 1. Pertumbuhan tahunan dikira berdasarkan angka-angka untuk ST2 2022 dan ST2 2023.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.15: Sistem Perbankan – Nisbah Harga kepada Nilai Buku dan Nisbah Harga kepada Perolehan Bank Tersenarai di Pasaran Saham Malaysia



Nota: Merujuk kepada median nisbah semua bank tersenarai di pasaran saham Malaysia.

Sumber: Bloomberg

tempoh (*duration*) berhubung dengan pemegangan bon kerajaan. Berikutan jangkaan kadar faedah yang telah mencapai paras tertinggi, bank-bank telah mula mengimbangi semula pegangan bon kerajaan masing-masing daripada kos terlunas (*amortised cost,* AC) kepada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income,* FVOCI). Potensi keuntungan penilaian semula dapat memberikan sokongan lanjut terhadap kedudukan modal bank sekiranya kadar hasil menurun pada masa hadapan.

Sejajar dengan perolehan bank yang rendah, pulangan aset dan ekuiti sistem perbankan menurun masing-masing kepada 1.2% dan 11.2% (Jun 2023: masing-masing pada 1.3% dan 11.6%). Penilaian pasaran bagi bank yang tersenarai seperti yang diukur oleh nisbah harga kepada nilai buku (*price-to-book,* P/B) dan nisbah harga kepada perolehan (*price-to-earnings,* P/E) kekal di bawah paras purata sebelum pandemik (Rajah 2.15). Keadaan ini mencerminkan keadaan kredit dan ekonomi semasa. Penurunan penilaian pasaran yang diperhatikan dalam kalangan bank-bank Malaysia yang tersenarai turut sejajar dengan negara-negara serantau.[8] Prospek ekonomi yang bertambah baik dalam tempoh akan datang, ditambah pula dengan kedudukan bank yang agak kukuh untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan akan memberikan sokongan yang berterusan terhadap keuntungan bank pada masa hadapan.[9]

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

Nisbah jumlah modal sistem perbankan kekal kukuh (18.5%; Jun 2023: 18.8%), dengan penampan modal sebanyak RM142.6 bilion melebihi paras minimum pengawalseliaan (Rajah 2.16). Penampan ini terus mengekalkan keupayaan bank-bank untuk memenuhi keperluan kredit kepada ekonomi, dan juga menyerap kerugian yang tidak dijangka. Penampan modal yang besar juga telah membolehkan bank-bank untuk mengekalkan pembayaran dividen yang sebahagian besarnya telah kembali kepada nisbah pembayaran balik (*payout ratio*) sebelum pandemik bagi kebanyakan bank. Penampan modal bank-bank terus disokong oleh keuntungan penilaian semula daripada pegangan bon dalam akaun perbankan (*banking book*), yang didorong oleh penurunan kadar hasil bon domestik.

[8] Berdasarkan perbandingan penilaian indeks kewangan di Thailand, Indonesia, Hong Kong SAR dan tiga buah institusi kewangan terbesar di Singapura.

[9] Rujuk rencana mengenai 'Keuntungan Bank Malaysia – Trend Lalu dan Prospek Masa Hadapan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM Separuh Pertama 2019 untuk perbincangan lebih terperinci tentang arah aliran dan pemacu utama keuntungan bank di Malaysia.

Rajah 2.16: Sistem Perbankan - Permodalan



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penampan pengekalan modal 2.5% serta keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko penularan daripada operasi luar negeri DBG kekal rendah

Keuntungan operasi luar negeri kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group,* DBG) menurun pada separuh kedua 2023 (Rajah 2.17). Penurunan keuntungan diperhatikan terutamanya dalam operasi di Thailand (9% daripada jumlah operasi luar negeri dari segi aset) (Rajah 2.18) mencerminkan kos kredit yang lebih tinggi yang didorong terutamanya oleh peminjam bukan runcit yang masih belum pulih daripada pandemik. Walaupun begitu, risiko limpahan kepada bank induk di Malaysia kekal terurus kerana operasi di Thailand hanya menyumbangkan sehingga 2% daripada jumlah aset yang disatukan DBG (keseluruhan jumlah operasi luar negeri menyumbangkan 22.6% daripada jumlah aset yang disatukan DBG). Sama seperti Malaysia, bahagian pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik dalam operasi luar negeri terus menurun (1.3% daripada jumlah pinjaman operasi luar negeri; Jun 2023: 1.7%), berikutan tamatnya program bantuan bayaran balik pinjaman berkaitan dengan pandemik di kebanyakan negara. Hapus kira beberapa pinjaman legasi di Hong Kong SAR, ditambah pula dengan peningkatan prestasi bayaran balik peminjam di Indonesia dan Singapura, turut menyumbang kepada peningkatan kualiti aset (Rajah 2.19).

Risiko mudah tunai dan pendanaan daripada operasi luar negeri DBG kekal terhad. Operasi luar negeri yang utama terus dibiayai terutamanya oleh deposit pelanggan yang stabil (Rajah 2.20). Tahap modal yang dikekalkan di operasi luar negeri DBG kekal kukuh (purata nisbah jumlah modal pada bulan Disember 2023: 20.7%, Jun 2023: 20.5%), lantas menyediakan penampan yang kukuh untuk menyerap kerugian yang tidak dijangka tanpa bergantung pada sokongan daripada syarikat induk.

Rajah 2.17: Sistem Perbankan – Pulangan atas Ekuiti Operasi Luar Negeri Mengikut Negara



Nota: 1. Purata pulangan atas ekuiti keseluruhan diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.
2. Purata pulangan atas ekuiti diberikan wajaran berdasarkan saiz operasi luar negeri setiap kumpulan perbankan domestik mengikut negara.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.18: Sistem Perbankan – Profil Aset Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.19: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar Operasi Luar Negeri



Nota: Purata nisbah pinjaman terjejas kasar diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.20: Sistem Perbankan – Profil Pendanaan Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank Digital: Tumpuan Penyeliaan Meliputi Risiko Utama

Tiga buah bank digital yang dilesenkan baru-baru ini telah lulus penilaian kesediaan operasi dan memasuki fasa asas[10] operasi mereka. Dalam tempoh ini, bank-bank digital dijangka melaksanakan strategi yang serasi dengan daya maju jangka panjang dan melaksanakan pelaburan dalam keupayaan pengurusan risiko yang kukuh secara progresif. Aktiviti penyeliaan BNM terhadap bank-bank digital adalah berasaskan prinsip kesetaraan. Pemeriksaan penyeliaan awal mengutamakan kemajuan bank digital dalam memenuhi keperluan berhemat untuk 'lulus' dari fasa asas. Ketelitian dalam penyeliaan ditingkatkan apabila skop aktiviti perniagaan berkembang seiring dengan jangkaan terhadap amalan pengurusan risiko yang juga meningkat. Pendekatan penyeliaan ini membolehkan bank-bank digital menstabilkan model perniagaan mereka dan membina kemampanan kewangan semasa fasa asas. Pendekatan ini juga menjangkakan dan menyasarkan untuk memudahkan prospek yang mungkin perlu dilakukan oleh bank digital untuk memperhalus strategi mereka bagi mencapai objektif dasar BNM iaitu rangkuman dan inovasi kewangan.

Tumpuan dan jangkaan penyeliaan BNM dimaklumkan melalui penilaian terhadap risiko utama dalam operasi bank digital. Antaranya, peningkatan kes penipuan kewangan yang melibatkan aplikasi perbankan mudah alih, ditambah pula dengan penyertaan pelanggan secara digital sepenuhnya tanpa bersemuka memerlukan bank digital memiliki kawalan elektronik Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (electronic Know-Your-Customer, eKYC) yang kukuh untuk mencegah aktiviti jenayah. Ciri biasa dalam persediaan bank digital ialah penyumberan luar infrastruktur dan keupayaan utama kepada penyedia perkhidmatan awan dan perisian-sebagai-perkhidmatan (*software-as-a-service*, SaaS). Kebergantungan yang sangat tinggi pada penyedia perkhidmatan luaran sedemikian boleh meningkatkan kelemahan bank digital terhadap kegagalan operasi penyedia ini. Hal ini mungkin menimbulkan risiko sistemik kerana beberapa bank bergantung pada penyedia perkhidmatan yang sama untuk infrastruktur utama mereka. Oleh yang demikian, penelitian penyeliaan tertumpu pada tadbir urus bank digital dan amalan pengurusan risiko (termasuk keupayaan untuk memulihkan fungsi perniagaan yang amat penting) untuk memastikan pengaturan penyumberan luar ini tidak mewujudkan sumber kelemahan yang berlebihan pada operasi yang sedang berjalan. Tumpuan juga diberikan terhadap kawalan yang ada untuk membimbing penggunaan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI) atau model pembelajaran mesin dalam kes penggunaan seperti kelulusan kredit untuk memastikan kawalan tersebut sesuai untuk tujuannya.

[10] Fasa asas adalah untuk tempoh tiga hingga lima tahun. Ketika tempoh ini, had aset sebanyak RM3 bilion dan keperluan pengawalseliaan yang dipermudahkan terpakai. Rujuk dokumen dasar Rangka Kerja Pelesenan untuk Bank Digital yang dikeluarkan pada 31 Disember 2023 untuk butiran perinci.

Bank-bank digital mungkin menghadapi risiko tambahan yang timbul daripada penggunaan eksklusif saluran digital oleh pelanggan untuk melakukan transaksi perbankan. Disebabkan oleh penggunaan saluran digital ini, perhatian khusus perlu diberikan kepada kesan negatif media sosial terhadap risiko reputasi boleh mengakibatkan pengeluaran deposit yang mendadak dan mengejut. Disebabkan bank-bank digital tidak mempunyai cawangan fizikal, terdapat juga keperluan untuk mengurangkan risiko operasi dalam pelbagai senario sekiranya berlaku sebarang gangguan terhadap infrastruktur digital. Oleh yang demikian, tumpuan penyeliaan juga diberikan terhadap keupayaan bank-bank digital untuk menguruskan risiko teknologi dan operasi dengan berkesan, termasuk memastikan terdapatnya kesinambungan perniagaan dan pelan pemulihan bencana yang teguh untuk mengekalkan ketersediaan perkhidmatan perbankan kepada pelanggan secara berterusan.